

Soalan No: 10

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 8.3.2018 (KHAMIS)

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kelas di SK, SJKC and SJKT masing-masing yang melebihi saiz yang ideal bagi sesuatu kelas iaitu 30 orang murid dan jumlah kelas di SK, SJKC dan SJKT yang melebihi 35 orang murid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha dalam menyediakan kemudahan pembelajaran di sekolah termasuklah bilangan kelas yang mencukupi bagi membolehkan semua murid dapat mengikuti pembelajaran dengan selesa. Berdasarkan rekod KPM, sehingga 31 Januari 2018, terdapat 15,442 kelas di Sekolah Kebangsaan (SK) yang mempunyai bilangan murid antara 31 hingga 35 orang, 3,782 kelas di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan 473 kelas di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Manakala jumlah kelas yang mempunyai murid melebihi 35 orang murid adalah sebanyak 13,730 kelas di SK, 4,197 di SJKC dan 237 kelas di SJKT.